

Profil Peribadi



TunSuzana @ Suzana binti Hj Othman

Pendidikan

Bachelor in Economics (BEc): Australian National University, Canberra, Australia

SPM : Sek Men Sains Selangor

Latar Belakang

Suzana Hj Othman lahir di Singapura pada 28hb November 1965M. Pernah bersekolah di Bukit Bintang Girls School dan Sek. Men. Sains Selangor. Melanjutkan pelajaran di Australian National University, Canberra, Australia dan mendapat ijazah dalam bidang Ekonomi.

Beliau merupakan pengkaji dan penulis bebas tentang hal-hal yang berkaitan dengan sejarah perkembangan serta pembangunan tamadun, kebudayaan dan peradaban Islam di Alam Melayu Nusantara. Antara skop pengajian dan penulisannya adalah tentang sumbangan alim-ulama sufi, pandangan alam orang-orang Melayu, Institusi Raja-raja Melayu serta aspek-aspek, ciri-ciri dan elemen-elemen Melayu tradisional berteraskan fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah. Beliau juga mengkaji dan menulis tentang agenda orientalisme serta fahaman sekularisme di tanah air serta kesannya pada sosio-politik, budaya, identiti dan jatidiri bangsa Melayu.

Dalam bidang penulisan, beliau menggunakan nama TunSuzana sebagai mengenalkan dirinya daripada keturunan keluarga bendahara-bendahara Melaka

yang turun ke Johor bersama Sultan Mahmud Syah pada tahun 1511 dan kemudian leluhurnya membangunkan pula Dinasti Raja Bendahara Pahang bermula akhir abad 18. Beliau merupakan buyut kepada pemerintah Dinasti Raja Bendahara terakhir di Pahang, iaitu Seri Maharaja Tun Mutahir Tun Ali (1847-1863M). Beliau juga merupakan buyut kepada Tunku Chik binti Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah II Kedah (1804-1845) melalui perkahwinannya dengan Tun Mutahir.

Beliau telah menimba banyak pengalaman dalam bidang penyelidikan sejarah dan penulisan, dan telah melawat banyak negara seperti negara-negara Arab, Hadhramawt di Yaman, UAE, Qatar, Afrika Selatan, Australia, United Kingdom, Ireland selain negara-negara jiran seperti Brunei, Indonesia, Aceh dan Singapura.

Kebimbangan beliau terhadap usaha sesetengah pihak untuk memisahkan Melayu dari Islam dan sesetengah pihak lain untuk memisahkan yang Islam dari Melayunya ibarat cubaan memisahkan roh dari jasad sehingga mampu ‘mencedera’ serta memudaratkan bangsa Melayu, kerana roh Melayu adalah hakikatnya Islam. Atas kebimbangan ini, dalam tahun 2013 beliau telah menubuhkan sebuah persatuan bukan kerajaan (NGO) yang diberi nama PERTUBUHAN KESEDARAN MELAYU DAN ISLAM (KEMUDI).

Antara objektif KEMUDI adalah untuk mengenalpasti (melalui pendekatan sejarah dan warisan) serta menyatukan kembali elemen-elemen luhur-murni Melayu Islam yang sebenar, yang telah terpisah-pisah dengan harapan ianya dapat dipelajari, dihayati dan diamalkan kembali sehingga mampu membangkitkan kembali generasi MELAYU MUSTAFAWI yang mencintai serta menjadikan Rasulullah ﷺ sebagai ikutan, khususnya kepada generasi muda.

Di bawah pimpinan beliau, Pertubuhan Kemudi aktif dalam pelbagai program dengan menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak seperti golongan istana, cendikiawan Islam dan Melayu, golongan akademi, agamawan dan alim-ulama, tokoh-tokoh negara, pertubuhan-pertubuhan Melayu Islam dan sebagainya, demi melestarikan serta mengukuhkan kembali identiti serta jatidiri bangsa Melayu berteraskan nilai-nilai tradisi watan berteraskan fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah. Dalam hal ini, beliau juga bergerak di atas beberapa platform lain, iaitu dalam entiti Gabungan Melayu Islam Beraja, Pertubuhan Kebajikan al-Isyraq Nusantara dan Akademi Watan

‘MEMBANGUN GENERASI MELAYU MUSTAFAWI’

Jawatan Sekarang

Pengasas & Pengerusi Pertubuhan NGO Kesedaran Melayu & Islam (KEMUDI) serta Pengasas bersama & Pengerusi AKADEMI WATAN

Kerjaya

Selain menjadi pengasas dan pengerusi pertubuhan NGO KEMUDI, beliau pernah berpengalaman sebagai :

1. Pengerusi Pengurusan Mashur Enterprise yang menggerakkan majlis *Wacana Ilmu Jelajah Mashur* (Menjejak Akar Sejarah Leluhur) bermula bulan March 2013
2. Setiausaha Pertubuhan Kebajikan al-Isyraq Nusantara
3. Setiausaha Badan Waris Kerabat Tun Mutahir Tun Ali, Bendahara Seri Maharaja Pahang
4. Ketua Umum Sekretariat Gabungan Melayu Islam Beraja@ Mi'Raj
5. Ketua Muslimat NGO Pertubuhan Tarekat Muktabar Malaysia (PERTAMA)
6. Ahli Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan Negeri Johor
7. Ahli Persatuan Warisan Melayu Duyung (PESAWAD) Melaka
8. Pengerusi Akademi WaTan (bermula 2022)
9. Sekretariat Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA) (2023-2025)

Aktiviti

1. Buku '*Mencari Sejarah Tun Mutahir*' telah dilancarkan di Johor Bharu pada 25hb Ogos 2001 dan diseminarkan dalam Seminar Sejarah *Genealogi Malaysia* di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada 30hb Januari 2003.
2. Buku '*Ahlul-Bait Rasulullah SAW dan Raja-Raja Melayu*' telah dilancarkan oleh YB Tan Sri Datuk Wira Hj Abdul Aziz bin Tapa sebagai wakil TYT Yang Dipertua negeri Melaka dalam Majlis Amal Diraja Bersama Rakyat pada tahun 29hb Mei 2004.
3. Bertindak sebagai penggerak dan ahli jawatankuasa kerja dalam *Seminar Sejarah Tun Seri Lanang* pada 17hb Sept 2005 di Kuantan, Pahang. Majlis diresmikan oleh Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Hj Adnan bin Hj Yaakob.
4. Membentangkan kertas kerja dalam *Majlis Ijtima' Ulama Pondok Senusantara ke 2* bersempena sambutan Maulidurrasul pada 12-15 April 2007 di Kompleks Yayasan al-Jenderami, Sepang, Selangor Darul Ehsan
5. Membentangkan kertas kerja dalam majlis *Wacana Ilmu HIKMAH 3: Menjejak Pendekar, Ahlul-Bait dan Mendaulat Sultan di Tanah Gangga Negara* di Marina Island, Perak pada 27hb Januari 2013

6. Wawancara dengan rancangan Radio Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) pada bulan Januari 2013 dengan tajuk *Melayu Mestilah Islam*
7. Bertindak sebagai penggerak dan pembentang kertas kerja dalam majlis *Wacana Ilmu Jelajah Mashur: Membina Jatidiri Melayu Islam* di Shah Alam, Selangor pada 17hb March 2013
8. Membentangkan kertas kerja dalam *Seminar Melayu Warisan Anbiya* di Kompleks Taman Seni Islam Selangor (Yayasan Restu), Shah Alam, [3-4 Julai 2013]
9. Membentangkan kertas kerja dalam seminar *Himpunan Melayu Akhir Zaman* (HIKMAH VII) di Hang Tuah Centre, Melaka (30 Nov 2013),
10. Menjadi penceramah dalam *Majlis Peresmian Buku dan Pengukuhan Gagasan Ahlus Sunnah wal Jamaah* di Pesta Buku Antarabangsa, PWTC (28hb April 2014)
11. Menjadi penceramah dalam *Forum Keindahan Kesultanan Melayu Nusantara* di Shah Alam pada (17hb Sept 2014)
12. Menjadi penceramah tetap dalam *Kuliyah Bulanan Kemudi* dengan tema *Mari Celik Sejarah: 10 Tonggak Melayu Bersendi Kitabullah*, yang dibuat di Pusat Ilmu Darul Muhibbin pada minggu ketiga setiap bulan bermula April 2014
13. Menjadi penceramah dalam *Seminar Survival Melayu Islam: Kursus Sejarah Malaysia & Tamadun Islam* di UiTM Puncak Alam Selangor pada 15 November 2014
14. Menjadi penceramah jemputan di beberapa tempat di UK seperti Birmingham, Glasgow, Cardiff & London dalam program *Rehlah Dakwah UK* pada bulan Oktober 2016
15. Menjadi Ketua Urusetia bagi *Majlis Zikir Perdana Sedunia* yang dianjurkan oleh NGO Tarekat Muktabar Malaysia (Pertama) yang diresmikan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 21 Mei 2016
16. Menjadi Ketua Urusetia bagi *Majlis Muzakarah Ulama Nusantara* yang dianjurkan oleh NGO Tarekat Muktabar Malaysia (Pertama) pada 22 Mei 2016
17. Menjadi penulis jemputan secara bulanan dalam majalah Seni Beladiri di bawah tajuk *Perbendaharaan Rahsia Raja* dengan menggunakan nama pena Bonda Tun
18. Menjadi penyelia dalam program bulanan “*Sidang Usul Warisan Melayu Mustafawi*” dengan pelajar-pelajar IPT bermula bulan Februari 2017
19. Menjadi Pengarah Program dalam ‘*Majlis Muzakarah Tiga Tiang Seri Melayu*’ pada 15 April 2017
20. Menjadi Ketua Urusetia dan Ketua Ajk Pelaksana bagi komponen-komponen Majlis Haflah Zikir Perdana yang dianjurkan oleh Pertubuhan Tarekat Muktabar Malaysia (Pertama) pada 22 -26 Julai 2017
21. Menganjur program Daurah Tauhid Ihsan di Doha, Qatar pada 15-16 Disember 2017

Aktiviti Terbaru

1. Menjadi Ketua Umum Sekretariat Gabungan Melayu Islam Beraja (MI'RAJ) dari tahun 2018-2022 dan menganjurkan pelbagai kegiatan berkaitan
2. Menjadi Pengasas dan Pengerusi sebuah organisasi yang bernama AKADEMI WATAN PLT bermula tahun 2021, yang banyak menganjurkan program-program online dan fizikal berkaitan sejarah dan warisan Tanah Melayu
3. Menjadi Ketua Biro Institusi Raja-Raja Melayu dan ajk Sekretariat PEMBELA untuk sesi 2023-2025, yang menggabungkan lebih 50 pertubuhan bukan kerajaan @NGO Melayu Islam
4. Menjadi Setiausaha kepada sebuah NGO iaitu Pertubuhan Kebajikan al Isyraq Nusantara yang menumpukan kepada pembangunan umat Islam berteraskan fahaman Ahlus Sunnah wal Jamaah dari ajaran Asya'irah dan Maturidiyah dalam bidang Aqidah, Imam Syafi'e dalam bidang Fiqh sekaligus meraikan mazhab-mazhab muktabar seperti Imam Hanafi, Hanbali dan Maliki, serta ajarah Imam al Junaid al Baghdadi, Imam al Ghazali dan yang seangkatan dalam bidang Tasawuf.
5. Untuk maklumat lanjut berkaitan aktiviti Akademi Watan serta Pertubuhan Kebajikan al Isyraq Nusantara, sila ke laman Fb yang berkaitan

Beliau telah menulis lebih 20 buah buku tentang Akar Sejarah Melayu & Kemelayuan, antara yang terbaru adalah:



Tajuk Buku-buku TunSuzana:

1. Ahlul Bait (Keluarga) Rasulullah SAW dan Raja-Raja Melayu. 2001. Al Wasilah Enterprise
2. Mencari Sejarah Tun Mutahir Tun Ali, Bendahara Seri Maharaja Pahang (1857-1863).2001.Pustaka BSM Enterprise
3. Ahlul-Bait Rasulullah SAW, Dinasti Melayu & Akhir Zaman. 2001.Pustaka BSM Enterprise
4. Institusi Bendahara Permata Melayu yang Hilang. 2002.Pustaka BSM Enterprise
5. Melayu Islam Beraja: Menggali Hakikat Leluhur.2003. Pustaka BSM Enterprise
6. Soal Jawab Melayu Islam Beraja:Rahsia Kemelut Melayu & Penawarnya. 2003. Pustaka BSM Enterprise
7. Siri Kiamat Hampir Menjelang: Dunia di Akhir Zaman.2005. Pustaka BSM Enterprise
8. Siri Kiamat Hampir Menjelang: Panduan Ummah di Akhir Zaman.2005. Pustaka BSM Enterprise
- 9.Tun Habib Abdul Majid: Bendahara Johor, Putera Aceh dan Zuriyyah Rasulullah SAW. 2006. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Johor
10. Perang Bendahara Pahang 1857-1863: Pensejarahan Semula, Menelusi Peranan British. 2007. Karisma Publications Sdn Bhd
11. Sesungguhnya Tuhan Kamu Tidak Bermata Satu: Mencari Landasanb Hakikat di Akhir Zaman. 2007. Crescent News (KL) Sdn Bhd
12. Menjejak Warisan Melayu Islam Beraja: Menemukan Kembali Permata Bangsa yang Hilang. 2008. Media Satria Sdn Bhd
13. Tun Seri Lanang: Sejarah & Warisan Tokoh Melayu Nusantara. 2008. Media Satria Sdn Bhd
14. Ketuanan Islam & Pertuanan Raja-Raja Melayu: Lintasan Sejarah Perkembangan Gagasan Melayu Islam Beraja. 2008. Media Satria Sdn Bhd
15. Ahlul Bait (Keluarga) Rasulullah SAW & Kesultanan Melayu. 2009. Crescent News (KL) Sdn Bhd
16. Ahlul Bait (Family) of Rasulullah SAW & Malay Sultanates (translation by Radzi Sapie). 2009. Crescent News (KL) Sdn Bhd
17. Ahlul Bait (Keluarga) Rasulullah SAW & Ulama Umara di Alam Melayu (dahulu, kini dan zaman kebangkitan ummah). 2011. Crescent News (KL) sdn Bhd
18. Miftahul Malaya (bersama Ustaz Dr Hasanuddin Yusof). 2018. Penerbit Alami Sdn Bhd
19. Naratif Melayu: Amanah Watan Pemacu Peradaban (bersama Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain). 2019. Pertubuhan Kesedaran Melayu dan Islam (KEMUDI)

20. Rahsia Penaklukan Melaka 1511 (bersama Ustaz Dr Hasanuddin Yusof). 2020. Penerbit Alami Sdn Bhd
21. Perbendaharaan Rahsia Raja.2020. Pertubuhan Kesedaran Melayu dan Islam (KEMUDI)
22. Melayu, Islam, Raja Berpisah Tiada: Perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu.2021. Pertubuhan Kesedaran Melayu dan Islam (KEMUDI)
23. Dari Madinah ke Nusantara: Jatidiri Emas Pencetus Kegemilangan Melayu (bersama Ustaz Muhammad Afif Yahya)

Buku-buku TunSuzana di Luar Negara

Suzana Tun Hj. Othman Tun 1965-

Overview

Works: 22 works in 35 publications in 2 languages and 165 library holdings

Genres: [History](#) [Genealogy](#) [Biography](#) [Miscellanea](#)

Classifications: DS598.P33, [297.64](#)

Publication

Timeline

Key

Publications about Suzana Tun Hj. Othman

Publications by Suzana Tun Hj. Othman

Most widely held works by Suzana Tun Hj. Othman:

[Mencari sejarah : Tun Mutahir Tun Ali, Bendahara Seri Maharaja Pahang, 1857-1863](#) by Suzana Tun Hj. Othman (Book)

5 editions published in 2001 in Malay and held by 21 WorldCat member libraries worldwide
History of Pahang

[Institusi bendahara : permata Melayu yang hilang : dinasti bendahara Johor-Pahang](#) by

Suzana Tun Hj. Othman (Book)

2 editions published in 2002 in Malay and held by 15 WorldCat member libraries worldwide

[Tun Seri Lanang : sejarah dan warisan tokoh Melayu tradisional](#) by Suzana Tun Hj. Othman (Book)

2 editions published in 2008 in Malay and held by 15 WorldCat member libraries worldwide
History and legacy of Tun Seri Lanang, Bendahara or Grand Vizier of the Royal Court of Johor Sultanate in Johor and Aceh

[Ahlul-bait Rasulullah \(SAW\), Dinasti Melayu & akhir zaman](#) (Book)

2 editions published between 2002 and 2003 in Malay and held by 15 WorldCat member libraries worldwide

[Seratus sepuluh soal-jawab Melayu Islam beraja : rahsia kemelut Melayu dan penawarnya](#) by Muzaffar Dato' Hj. Mohamad (Book)

2 editions published in 2003 in Malay and held by 14 WorldCat member libraries worldwide

[Menjejak warisan Melayu Islam beraja : menemukan kembali permata bangsa yang hilang](#) by Suzana Tun Hj. Othman (Book)

2 editions published in 2008 in Malay and held by 13 WorldCat member libraries worldwide
History and relations between Islamic civilization and Malay civilization in Malaysia and in the Malay world

[Ketuanan Islam dan pertuanan raja-raja Melayu : lintasan sejarah perkembangan gagasan Melayu Islam beraja](#) by Suzana Tun Hj. Othman (Book)

2 editions published in 2009 in Malay and held by 12 WorldCat member libraries worldwide
Influence of Islam on politics in the history of the Malay world

[Perang bendahara Pahang, 1857-63 : pensejarahan semula menelusi peranan British](#) by

Suzana Tun Hj. Othman (Book)

1 edition published in 2007 in Malay and held by 12 WorldCat member libraries worldwide

History of Pahang, 1857-1863

[Ahlul bait \(family\) of Rasulullah SAW and the Malay Sultanates](#) by Muzaffar Dato' Hj.

Mohamad (Book)

3 editions published in 2010 in English and held by 11 WorldCat member libraries worldwide

[Melayu Islam beraja : menggali hakikat leluhur : suatu menifesto \[sic\] Melayu](#) by Muzaffar Dato' Hj. Mohamad (Book)

1 edition published in 2003 in Malay and held by 11 WorldCat member libraries worldwide

Islam and politics in the Malay world

Sumber:

<http://www.worldcat.org/identities/lccn-no2004-29625/>